Pendakwa Raya lwn Ummi Kalsom bt Bahak

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45SO-90–12 TAHUN 2014
KAMARDIN HASHIM H
6 MEI 2015

Prosedur Jenayah — Hukuman — Hukuman yang sesuai — Tertuduh dipertuduh dengan kesalahan berkaitan dengan keganasan di bawah s 130(1)(a) Kanun Keseksaan dibaca bersama s 511 dan boleh dihukum di bawah s 130J Kanun yang sama — Tertuduh mengaku salah atas pertuduhan — Bentuk hukuman yang sesuai ke atas tertuduh — Tempoh hukuman pemenjaraan

Undang-Undang Jenayah — Kesalahan — Mencari atau memberi sokongan kepada kumpulan pengganas — Tertuduh membangkitkan isu awalan — Sama ada Kumpulan Islamic State adalah kumpulan pengganas bagi maksud Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 — Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 — Kanun Keseksaan ss 130(1)(a), 130J & 511

Tertuduh telah dipertuduh dengan pertuduhan pilihan yang melibatkan kesalahan berkaitan dengan keganasan di bawah s 130(1)(a) Kanun Keseksaan ('Kanun') dibaca bersama s 511 Kanun dan boleh dihukum di bawah s 130J Kanun yang sama. Tertuduh telah mengaku salah terhadap pertuduhan namun sebelum tertuduh disabitkan bersalah, peguambela tertuduh telah membangkitkan satu isu awalan iaitu Kumpulan Islamic State ('IS') hanya *diwartakan* sebagai satu kumpulan pengganas pada 12 November 2014 sedangkan tertuduh telah ditangkap dan dipertuduh pada 5 Oktober 2014 iaitu sebelum *pewartaan* tersebut.

Diputuskan, menghukum tertuduh dengan dua tahun penjara berkuat kuasa dari tarikh tangkap:

(1) Mahkamah mengambil 'judicial notice' bahawa Kumpulan IS telah mula wujud selepas kejatuhan Saddam Hussein di Iraq dalam tahun 2003. Selain itu, Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menetapkan usul bahawa IS adalah kumpulan pengganas sebelum dari tarikh 12 November 2014 lagi. Oleh itu, mahkamah menolak isu awalan yang ditimbulkan oleh peguambela tertuduh dan memutuskan bahawa Kumpulan IS adalah satu kumpulan pengganas bagi maksud Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (lihat perenggan 5).

(2) Walaupun hukuman bagi kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh di bawah s 511 Kanun tidak menetapkan hukuman pemenjaraan secara mandatori, namun memandangkan keseriusan kesalahan berkaitan dengan unsur keganasan, adalah wajar hukuman pemenjaraan dikenakan bagi memberikan teladan kepada masyarakat umum supaya menjauhi kesalahan seumpama ini. Kepentingan awam hendaklah diberikan keutamaan mengatasi kepentingan tertuduh dalam menghadapi kesalahan yang melibatkan keganasan dengan tanpa mengira keganasan tersebut berlaku di dalam atau luar negara (lihat perenggan 6).

(3) Dalam menentukan tempoh pemenjaraan tertuduh, mahkamah telah mengambil kira fakta serta keadaan kes; dan faktor-faktor mitigasi. Mahkamah mengambil kira bahawa jenayah yang dilakukan masih belum muktamad; latar belakang keluarga tertuduh; kegagalan tertuduh dalam pelajaran; tertuduh tidak mendapat kasih sayang ibunya yang telah meninggal dunia; dan umur tertuduh yang masih muda iaitu 25 tahun. Mitigasi utama tertuduh adalah pengakuan salah tertuduh dan tertuduh adalah pesalah pertama. Pengakuan salah tertuduh telah menjimatkan masa dan perbelanjaan semua pihak. Memandangkan tertuduh merupakan pesalah muda dan pesalah pertama, tempoh pemenjaraan yang panjang tidak membawa kebaikan kepada kepada kepentingan awam; dan kepentingan tertuduh serta keluarganya. Tempoh pemenjaraan yang singkat telah mencapai matlamat memberi pengajaran serta pemulihan kepada masyarakat umum dan tertuduh (lihat perenggan 7–9).

[English summary

The accused was charged with the alternative charge concerning the offence of terrorism under s 130(1)(a) of the Penal Code ('the Code') read togeher with s 511 and punishable under s 130J of the same Code. The accused pleaded guilty of the charge and before convicted for his guilt, the counsel representing the accused raised a preliminary issue that the Islamic State group was only *gazetted* as a terrorist group on 12 November 2014 while the accused was arrested and charged on 5 October 2014 before the *gazette*.

Held, sentencing the accused to two years imprisonment with effect from date of arrest:

(1) The court took judicial notice that the IS group was established after the fall of Saddam Hussein in Iraq in 2003. Aside from that, the Security Council of the United Nations had fixed a motion that the IS was a terrorist group prior to 12 November 2014. Therefore, the court dismissed the preliminary issue raised by the counsel for the accused and held that the IS group was a terrorist group within the meaning of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (see para 5).

(2) Even though the sentence for the offence committed by the accused under s 511 did not stipulate mandatory imprisonment, since it was a serious offence relating terrorism, an imprisonment sentence was appropriate as a lesson for the public to steer away from such offence. Public interest must be given priority over the accused's interest in the face of the offence of terrorism, regardless whether the terrorism was committed inside or outside the country (see para 6).

(3) In determining the accused's imprisonment period, the court took into account the facts and circumstances of the case; and mitgation factors. The court also took in to consideration that the crime had not been completed; the family background of the accused; the accused's failure in his studies; the fact that the accused lacked a mother's love due to her demise; and the accused's young age of 25. The accused's main mitigation was his guilty plea and that it was his first offence. The guilty plea saved the parties' time and costs. Since the accused was a young first-time offender, a long period of imprisonment would not benefit him and his family; and public interest. A short imprisonment period would attain the objective of deterring and rehabilitating the public and the accused (see paras 7–9).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hukuman yang sesuai, lihat 5(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 5151–5155.

Untuk kes-kes mengenai kesalahan secara am, lihat 4(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1845–1964.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ss 66B, 66D

Kanun Keseksaan ss 130B, 130J, 511

Afzainizam Abdul Aziz (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Hanif Hassan (Hanif Hassan & Co) bagi pihak tertuduh.

Kamardin Hashim H:

[1] Tertuduh telah dihadapkan dengan satu pertuduhan utama dan satu pertuduhan pilihan yang melibatkan kesalahan berkaitan dengan keganasan. Atas pengakuan bersalah oleh tertuduh, tertuduh telah disabitkan atas pertuduhan pilihan yang dibacakan seperti berikut:

Pertuduhan Pilihan

Bahawa kamu pada 5 Oktober 2014 jam lebih kurang 5.20 pagi, di Kaunter

Imigresen, Balai Perlepasan Antarabangsa, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2), dalam Daerah Sepang, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, dengan pengetahuan dan dengan cara mengambil penerbangan pesawat AIRASIA dari KLIA 2 ke Brunei, telah cuba memberikan sokongan kepada kumpulan pengganas iaitu Islamic State, iaitu kamu hendak memasuki Syria dari Brunei ke Istanbul, Turki untuk berkahwin dengan Muhammad Aqif Huesen bin Rahizat bagi manfaat kumpulan Islamic State tersebut; dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 130J(1)(a) Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 511 Kanun yang sama dan boleh dihukum di bawah seksyen 130J Kanun yang sama.

[2] Tertuduh telah dijatuhkan dengan hukuman dua tahun penjara berkuat kuasa sejak daripada tarikh ditangkap, iaitu, pada 5 Oktober 2014. Pihak pendakwa raya telah tidak berpuas hati terhadap hukuman yang telah dijatuhkan dan sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan.

[3] Tertuduh telah mengakui terhadap fakta kes yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan seperti eksh P3. Secara ringkasnya, fakta kes menunjukkan bahawa tertuduh bercadang untuk pergi ke Syria melalui Brunei dan Istanbul, Turki. Tujuan tertuduh ke sana adalah untuk berkahwin dengan salah seorang pejuang IS yang bernama Muhammad Aqif Huesen bin Rahizat. Tindakan tertuduh tersebut dikatakan telah cuba untuk memberi sokongan dan manfaat kepada pejuang dan juga Kumpulan IS di Syria. Niat tertuduh bagaimanapun tidak tercapai apabila telah ditangkap di KLIA 2 sebaik sebelum menaiki penerbangan ke Brunei bagi meneruskan perjalanan ke Istanbul Turki dan Syria.

[4] Sebelum mensabitkan tertuduh, satu isu awalan telah dibangkitkan oleh peguambela Dato' Hanif Hassan yang bertindak untuk tertuduh. Peguambela terpelajar membangkitkan isu bahawa Kumpulan IS telah hanya diwartakan sebagai satu kumpulan pengganas oleh YB Menteri di bawah ss 66B dan 66D Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('Akta 613') melalui Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (Pengisytiharan Entiti Ditentukan dan Kehendak Untuk Melapor) (Pindaan) 2014 (PU(A) 301/2014) yang telah disiarkan dalam warta pada 12 November 2014. Sedangkan tertuduh ditangkap dan dipertuduhkan pada 5 Oktober 2014, satu tarikh sebelum pengisytiharan IS sebagai kumpulan pengganas disiarkan dalam warta.

[5] Walaupun penwartaan hanya dibuat pada 12 November 2014, namun mahkamah ini mengambil 'judicial notice' bahawa Kumpulan IS telah mula wujud selepas kejatuhan Saddam Hussein di Iraq dalam tahun 2003 dan bertambah besar dan berpengaruh selepas tentera Amerika Syarikat keluar dari negara Iraq dalam tahun 2011. Malahan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa

Bersatu turut menetapkan usul bahawa Kumpulan IS adalah sebuah kumpulan pengganas, dan ini berlaku jauh lebih awal daripada tarikh 12 November 2014. Oleh itu, mahkamah ini menolak isu yang ditimbulkan oleh peguambela terpelajar dan telah membuat keputusan bahawa Kumpulan IS adalah satu kumpulan pengganas bagi maksud Akta 613 dan terjumlah kepada tafsiran kumpulan pengganas, pengganas, entiti pengganas dan harta benda pengganas di bawah s 130B Kanun Keseksaan.

[6] Seksyen 130J Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman bagi kesalahan memberi sokongan kepada kumpulan pengganas, hendaklah dihukum dengan penjara seumur hidup atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh tahun, atau denda, dan bolehlah dirampas mana-mana harta yang telah digunakan atau diniat untuk digunakan untuk melakukan kesalahan itu. Walau bagaimanapun, bagi pertuduhan pilihan yang mana tertuduh telah disabitkan, s 511 Kanun Keseksaan menetapkan hukuman maksima bagi kesalahan cubaan (*attempt*) adalah separuh daripada hukuman maksima yang telah diperuntukkan bagi kesalahan itu. Dalam kes terhadap tertuduh di sini, tertuduh boleh dihukum penjara maksima 15 tahun atau dihukum denda dan harta benda yang berkaitan boleh dirampas. Walaupun hukuman bagi kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh tidak menetapkan hukuman pemenjaraan secara mandatori, namun memandangkan keseriusan kesalahan berkaitan dengan unsur keganasan, adalah wajar hukuman pemenjaraan dikenakan bagi memberikan tauladan kepada masyarakat umum supaya menjauhi kesalahan seumpama ini. Kepentingan awam hendaklah diberikan keutamaan dalam menghadapi kesalahan yang melibatkan keganasan dengan tanpa mengira keganasan tersebut berlaku di dalam negara mahu pun di luar negara. Kepentingan awam hendaklah dalam keadaan kes ini senantiasa mengatasi kepentingan seseorang tertuduh.

[7] Dalam menentukan tempoh pemenjaraan yang bersesuaian terhadap tertuduh, Mahkamah ini telah mengambilkira fakta serta keadaan yang berlaku dalam kes ini serta faktor-faktor mitigasi yang memihak kepada tertuduh. Kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh adalah satu jenayah yang masih belum muktamad. Walaupun terdapat satu perancangan yang rapi, ianya tidak dilakukan oleh tertuduh sendiri, tetapi telah diatur sedemikian rupa oleh pihak Afiq Huesen bin Rahizat. Selain itu latar belakang keluarga tertuduh telah mendorong beliau untuk berkahwin dengan penama tersebut dan telah terpengaruh dengan dakyah Kumpulan IS. Tertuduh telah mengalami kegagalan dalam pelajaran di peringkat universiti dan tidak mendapat kasih sayang ibunya yang telah meninggal dunia lebih awal menyebabkan tertuduh mudah terpengaruh. Umur tertuduh yang masih muda (25 tahun masa kejadian) menyebabkan tertuduh tidak begitu matang serta berfikiran suntuk untuk memikirkan akibat daripada perbuatannya.

[8] Mitigasi utama tertuduh yang wajar diberikan penekanan adalah faktor bahawa tertuduh telah mengaku bersalah dan bahawa tertuduh adalah pesalah pertama. Tertuduh adalah orang yang pertama telah mengaku salah terhadap pertuduhan di bawah kesalahan berkaitan dengan keganasan. Dengan mengaku salah, tertuduh telah dapat menyelamatkan masa dan perbelanjaan semua pihak. Saksi-saksi tidak perlu dipanggil oleh pihak pendakwaan. Mahkamah ini percaya bahawa pihak pendakwaan mempunyai tugas yang amat berat untuk membuktikan pertuduhan sekiranya perbicaraan penuh diadakan terutamanya untuk mendapatkan keterangan daripada pihak Facebook dari Amerika Syarikat. Selain kes terhadap tertuduh, terdapat sebilangan kes yang seumpamanya yang masih tertunggak menunggu keterangan daripada pihak yang sama. Dengan hukuman penjara yang tidak begitu lama adalah diharapkan lebih ramai tertuduh akan mengikut jejak langkah tertuduh untuk mengaku salah dan kes tertunggak dapat diselesaikan segera.

[9] Ini adalah kesalahan pertama tertuduh. Faktor ini juga telah saya ambil kira dalam menentukan tempoh hukuman pemenjaraan terhadap tertuduh. Sebagai pesalah muda dan juga sebagai pesalah pertama, hukuman pemenjaraan untuk tempoh yang panjang tidak membawa sebarang kebaikan kepada muslihat dan kepentingan awam. Hukuman penjara yang lama juga tidak membawa kebaikan kepada tertuduh dan keluarganya, malahan akan mendatangkan lebih keburukan. Saya berpandangan bahawa kepentingan awam lebih terjaga dan terpelihara sekiranya tertuduh tidak dipenjarakan untuk suatu tempoh yang terlalu lama. Tempoh pemenjaraan yang singkat, pada hemat saya telah mencapai matlamat memberi pengajaran serta pemulihan kepada masyarakat umum dan juga tertuduh.

[10] Atas alasan-alasan tersebut di atas, saya berpandangan hukuman penjara dua tahun terhadap tertuduh adalah memadai dan setimpal dengan jenayah yang telah dilakukan. Hukuman itu dirasakan adalah sesuai di dalam keadaan dan situasi kes terhadap tertuduh dalam kes ini.

Tertuduh dihukum dua tahun penjara berkuat kuasa dari tarikh tangkap.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar